JABATAN LAUT MALAYSIA
Pejabat Laut Wilayah Persekutuan Labuan
Peti Surat 81005, 87020 W.P. Labuan

Phone : 087-413511 Email:pjlwplbn@marine.gov.my
Fax : 087-413515 Web Page :http://www. marine. gov.my

# PEKELILING PELABUHAN
## *PORT CIRCULAR*

**NO. 2 / 2020**

**PENETAPAN PINTU MASUK UTAMA BAGI PERKHIDMATAN TEKSI AIR DAN LARANGAN MENGADAKAN AKTIVITI SOSIAL LAUT DI WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

**ESTABLISHMENT OF MAIN ENTRY POINT FOR WATER TAXI SERVICE AND PROHIBITION FOR MARINE SOCIAL ACTIVITY AT LABUAN FEDERAL TERRITORY**

| | |
|---|---|
| Daripada | Pegawai Pelabuhan |
| Kepada | Pemilik Kapal, Ejen Perkapalan dan Masyarakat Perkapalan |
| Tarikh | 19 Mac 2020 |
| Carta Berkaitan | MAL 8518, MAL 8523, MAL 6 |

| | |
|---|---|
| From | Port Officer |
| To | Ship Owner, Shipping Agency and Shipping Community |
| Date | 19th March 2020 |
| Relevant Chart | MAL 8518, MAL 8523, MAL 6 |

Masyarakat Perkapalan telah dimaklumkan bahawa mengikut Perutusan Khas YAB Perdana Menteri mengenai COVID-19 pada 16 Mac 2020, berkaitan dengan situasi ancaman virus COVID-19 yang semakin serius dan bagi mencegah penularan baharu wabak ini kepada lebih ramai rakyat, Kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan bermula dari 18 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020 di seluruh Negara. Perintah Kawalan Pergerakan ini dibuat di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967.

*The shipping community has been informed that in accordance with the Prime Minister's Special Message on COVID-19 on March 16th 2020, in relation to the increasingly serious situation of the COVID-19 virus and to prevent the spread of the epidemic to more people, the Government has decided to implement the Movement Control Order commencing from March 18th 2020 to March 31th 2020 across the country. This Movement Control Order is made under the Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988 and the Police Act 1967.*

Selaras dengan Perintah Kawalan Pergerakan tersebut, Jabatan Laut Malaysia Wilayah Persekutuan Labuan telah mengambil pendekatan untuk menetapkan Terminal Feri Antarabangsa Labuan sebagai pintu masuk utama bagi semua perkhidmatan teksi air yang membawa krew atau anak kapal yang berlabuh di perairan Wilayah Persekutuan Labuan. Waktu operasi terminal Feri Antarabangsa Labuan adalah dari jam 8:00 pagi sehingga jam 5:00 petang untuk tujuan saringan kesihatan berkuatkuasa mulai 19 Mac 2020 sehingga dimaklumkan kelak.

*In line with the Movement Control Order, Marine Department of Malaysia, Labuan Region has taken the approach to designate the Labuan International Ferry Terminal as the main entrance for all water taxi services carrying crews or crews anchored in the waters of Labuan Federal Territory. Labuan International Ferry Terminal operating hours are from 8:00 a.m. to 5:00 p.m. for health screening purposes commencing from 19th March 2020 until further notice.*

Masyarakat Perkapalan juga tidak dibenarkan untuk mengadakan sebarang aktiviti sosial di laut seperti Parasailing, Sunset Cruise, Island Hopping, Diving,

*Shipping community also not permitted to conduct any social activities at sea such as Parasailing, Sunset Cruise, Island Hopping, Diving,*

Snorkeling dan apa jua aktiviti sosial yang berkaitan di laut bermula 19 Mac sehingga dimaklumkan kelak.

*Snorkelling and any relevant social marine activities commencing from $19^{th}$ March 2020 until further notice.*

**(BENJAMIN BERNARD BHION)**
Regional Director,
Malaysia Marine Department,
Federal Territory of Labuan